

SULIT
3755/1
PERDAGANGAN
KERTAS 1
OKTOBER
2003
1 JAM

3755/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2003

TINGKATAN EMPAT

PERDAGANGAN

KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
- 2. Jawap semua soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

SULIT

ARAHAN:

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas objektif anda.

1. Antara pernyataan berikut, yang manakah salah tentang keperluan fisiologi?

- A. Keperluan fisiologi terdiri daripada keperluan asas.
- B. Keperluan Fisiologi perlu dipuaskan dahulu.
- C. Keperluan Fisiologi terdiri daripada makanan, pakaian dan tempat tinggal.
- D. Keperluan Fisiologi terdiri daripada faktor dalaman dan luaran.

2.

- Ingin melanjutkan pelajaran ke IPTA
- Mengambil jurusan perubatan supaya dapat berbakti kepada masyarakat dan negara

Pernyataan di atas berkaitan dengan hierarki keperluan Maslow.
Apakah keperluan tersebut?

- A. Keperluan Fisiologi
- B. Keperluan Rohani
- C. Keperluan Sosial
- D. Keperluan Pelajaran

3. Antara pernyataan berikut yang manakah bukan peranan usahawan?

- A. Usahawan dapat mewujudkan peluang pekerjaan
- B. Usahawan menyumbang terhadap pembangunan ekonomi
- C. Usahawan dapat melakukan penemuan dan ciptaan baru
- D. Usahawan hanya memenuhi kehendak dan keperluan sendiri

4. Pengeluaran ialah proses penciptaan nilai faedah. Antara berikut yang manakah bukan penciptaan nilai faedah

- A. Menyimpan bahan mentah supaya tahan lama.
- B. Melabel harga ke atas keluaran
- C. Menghantar barang ke tempat yang memerlukan
- D. Mengubahsuaikan barangan untuk kegunaan sendiri

5. Antara berikut yang manakah merupakan kelemahan pengkhususan ?

- I. Mengurangkan kecekapan pekerja akibat kebosanan
- II. Saling bergantung yang keterlaluan
- III. Kehilangan daya cipta
- IV. Saling bergantung

- A. I,II dan III
- B. I,II dan IV
- C. I,III dan IV
- D. II,III dan IV

6. Antara berikut yang manakah terlibat secara langsung dalam aktiviti perniagaan

- I. Pemborong
- II. Pengeksport
- III. Pengimport
- IV. Ejen pengiklanan

- A. I,II dan III
- B. I,II, dan IV
- C. I,III dan IV
- D. II,III dan IV

7. Perkhidmatan sokongan yang disediakan dalam menjayakan aktiviti perniagaan ialah

- A. Perkhidmatan langsung
- B. Jualan terus
- C. Bantuan Perniagaan
- D. Perdagangan

8. Dua cabang utama perdagangan ialah

- I. Pengkhususan
- II. Perniagaan
- III. Perkhidmatan langsung
- IV. Bantuan perniagaan

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

SULIT

9. Dengan wujudnya bantuan perniagaan mengapakah peniaga lebih yakin menghadapi risiko?
- A. Bantuan perniagaan membolehkan perniagaan berlaku
 - B. Bantuan perniagaan membolehkan risiko dikurangkan
 - C. Kebanyakan risiko yang dihadapi boleh diinsuranskan
 - D. Polisi insurans hutang lapuk boleh menguntungkan

10. 'Maklumat dapat disampaikan kepada pelanggan dan pembekal dengan cepat'

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah bentuk bantuan perniagaan ini ?

- A. Bank
 - B. Promosi
 - C. Insurans
 - D. Komunikasi
11. Antara yang berikut yang manakah benar berkenaan perniagaan ?
- A. Perniagaan adalah proses mengeluarkan barang atau membekalkan perkhidmatan
 - B. Tujuan perniagaan adalah untuk mendapatkan keuntungan
 - C. Perdagangan adalah sebahagian daripada perniagaan
 - D. Perniagaan mencipta nilai faedah terhadap barang
12. Antara berikut, barangan yang dikeluarkan terus kepada pengguna daripada pengeluar ialah:

- I. Perkhidmatan doktor
- II. Baju tempahan khas
- III. Motosikal
- IV. Perkhidmatan bank

- A. I dan IV sahaja
- B. II dan IV sahaja
- C. I, II dan III sahaja
- D. I, II dan IV sahaja

13. Pilih pernyataan-pernyataan yang benar tentang aliran baru dalam perniagaan runcit.

- I. Perkembangan dalam teknologi maklumat telah memudahkan Penghantaran katalog dan penerimaan pesanan
- II. Persaingan antara peruncit mengakibatkan pemakaian pelbagai kaedah peruncitan moden dalam pasaran.
- III. Semua peruncit aliran baru menggunakan perkhidmatan pos untuk menerima pesanan
- IV. E-Dagang merupakan salah satu jenis peruncit aliran baru

- A. I dan II sahaja
- B. I dan III sahaja
- C. I,II dan IV sahaja
- D. II,III dan IV sahaja

14.

- Dimiliki secara perseorangan
- Mempunyai premis perniagaan yang tetap
- Menjual pelbagai jenis baju dan seluar
- Tidak memberi kredit kepada pelanggan
- Memberi layanan peribadi kepada pelanggan

Sifat-sifat peruncit di atas merujuk kepada:

- A. Penjaja
- B. Kedai tunggal khusus
- C. Syarikat koperasi runcit
- D. Kedai tunggal serba ada

15. Memandangkan persaingan yang semakin sengit,gedung aneka jabatan cuba menarik pelanggannya dengan cara

- A. Peragaan yang cantik
- B. Memberi tempoh kredit yang panjang
- C. Mengilang dan mengeluarkan barang sendiri
- D. Membuka hingga larut malam

16. Antara berikut, yang manakah benar mengenai pemborong bayar dan bawa?

- A. Pembeli mesti mengangkut barang belian sendiri
- B. Kredit diberi kepada pelanggan
- C. Pemborong menyediakan perkhidmatan selepas jualan
- D. Harga barang dijual lebih mahal berbanding dengan kaedah lain

17.

- Mempertemukan penjual dengan pembeli
- Tidak perlu memiliki barang
- Dapat komisen jika urusniaga berjaya

Ciri-ciri pemborong di atas merujuk kepada seorang

- A. Broker
- B. Jober para
- C. Pemborong bayar dan bawa
- D. Pemborong khusus

18.

HARGA SEBENAR	HARGA DALAM INVOIS
RM 388.00	RM 288.00

Dokumen apakah yang patut dikirim oleh penjual untuk mengatasi kesilapan tersebut?

- A. Nota kredit
- B. Nota Debit
- C. Invois Proforma
- D. Penyata Akaun

19. Pernyataan di bawah adalah benar mengenai perniagaan antarabangsa kecuali

- A. Terdiri daripada kegiatan eksport dan import
- B. Melibatkan eksport dan import barang sahaja
- C. Melibatkan perniagaan antara dua negara
- D. Meliputi aktiviti pengkhususan antarabangsa

20. Antara berikut manakah merupakan import tak nyata ?

- A. Pelajar Malaysia belajar di Australia
- B. Membeli minyak jagung dari Amerika
- C. Pelancong New Zealand ke Malaysia
- D. Syarikat pengangkutan Malaysia memberi perkhidmatan kepada Rakyat asing.

21. Apakah tujuan kerajaan menggalakkan rakyat tempatan melancong di dalam negeri ?

- A. Untuk mengurangkan import-tak nyata Malaysia
- B. Untuk mengurangkan eksport tak nyata Malaysia
- C. Untuk Menambahkan eksport nyata Malaysia
- D. Untuk menambahkan pertukaran wang asing

22.

JENIS EKSPORT	NILAI EKSPORT (RM JUTA)
Pertanian	16370
Pelancongan	1450
Insurans	990
Barang perkilangan	45330

Berapakah nilai eksport tak nyata ?

- A. RM65040
- B. RM2440
- C. RM17820
- D. RM45330

23. Apakah faedah perniagaan luar negeri kepada pengguna ?

- A. Dapat mengurangkan kos pengeluaran
- B. Mewujudkan pelbagai pilihan barangan
- C. Memberi maklumat eksport dan import
- D. Meningkatkan hasil kerajaan

24. Manakah pernyataan berikut yang berkaitan dengan IKS adalah salah

- A. Sektor IKS sering dianggap sebagai pelengkap kepada industri berat.
- B. Sebuah syarikat IKS hendaklah diperbadankan di bawah Ordinan Koperatif Malaysia.
- C. Syarikat IKS yang bersaiz sederhana mempunyai bilangan pekerja tetap dalam julat 51 hingga 150
- D. Syarikat IKS yang bersaiz kecil mempunyai nilai jualan tahunan kurang daripada RM 10 Juta.

25. Lokasi IKS boleh terletak di merata-rata tempat seperti Bandar dan luar Bandar. Pernyataan berikut menjelaskan ciri tersebut **kecuali**
- A. IKS mempunyai tahap dan keupayaan penyesuaian yang tinggi
 - B. IKS kurang bergantung pada kemudahan infrastruktur
 - C. Pengusaha IKS boleh menjalankan operasi di premis kediamannya
 - D. Sasaran pengguna yang membeli produk IKS terletak di merata-rata tempat.
26. Manakah bidang berikut dapat dikelaskan dalam sektor IKS?
- I. Industri berasaskan sumber
 - II. Industri berasaskan logam
 - III. Industri automobil
 - IV. Industri pemrosesan makanan
- A. I dan II
 - B. I,II dan III
 - C. I,II dan IV
 - D. I,II,III dan IV
27. Antara berikut yang manakah **benar** tentang peranan yang dimainkan oleh IKS.
- A. Mencipta peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan
 - B. Meyumbang kepada kemajuan teknologi tempatan
 - C. Mengurangkan kadar inflasi dalam negara
 - D. Meningkatkan pernyataan bumiputra dalam sektor perkilangan
28. IKS menghadapi pelbagai masalah yang berlainan. Hampir semua masalah ini adalah berpunca daripada kekurangan
- A. Bahan mentah
 - B. Teknologi
 - C. Modal
 - D. Tenaga Kerja Mahir
29. Semasa memilih milikan perniagaan, faktor yang perlu dipertimbangkan oleh seorang usahawan adalah seperti berikut **kecuali**
- A. Keperluan modal
 - B. Kemahiran sedia ada
 - C. Lokasi perniagaan
 - D. Jenis barang atau perkhidmatan yang diniagakan

30. Pengurusan stok yang tidak cekap akan menimbulkan masalah lebih stok dan merugikan usahawan. Antara masalah lain akibat lebih stok ialah:
- I. Jualan merosot
 - II. Kadar pusingan stok
 - III. Kos pengendalian perniagaan meningkat
 - IV. Modal terikat
- A. I,II dan III
 - B. II,III dan IV
 - C. I,III dan IV
 - D. I,II,III dan IV
31. Antara berikut, yang manakah mengumpulkan modalnya melalui terbitan syer kepada orang awam?
- A. Koperasi Intan Berhad
 - B. Syarikat Suria dan Rakan
 - C. Syarikat Sri Kanci Sdn. Bhd.
 - D. Syarikat Siva Lingam Berhad
32. Perbezaan antara pekongsi berhad dengan pekongsi biasa ialah
- A. Pekongsi berhad boleh menguruskan perniagaannya
 - B. Pekongsi berhad menikmati liability terhad
 - C. Pekongsi berhad tidak boleh berkongsi untung
 - D. Pekongsi berhad tidak melaburkan modal
33. Kelebihan Syarikat Sendirian Berhad berbanding Syarikat Awam Berhad ialah
- A. Lembaga pengarah syarikat tidak semestinya terdiri daripada pemegang syer.
 - B. Keuntungan yang diperoleh terlepas daripada percukaian
 - C. Laporan kewangan tidak perlu diumumkan
 - D. Merupakan badan korporat yang sah.
34. Mengapakah kerajaan menggalakkan Industri Kecil dan Sederhana?
- A. Untuk memastikan bekalan industri berterusan
 - B. Untuk menggalakkan pertumbuhan industri berat
 - C. Untuk mengurangkan import melalui penggunaan sumber tempatan dalam pengeluaran.
 - D. Untuk menggalakkan penghijrahan penduduk ke Bandar

35. Faktor yang membezakan antara usahawan dengan peniaga ialah
- A. Usahawan berusaha mengatasi pesaing dalam perniagaan
 - B. Usahawan berusaha memaksimumkan keuntungan
 - C. Usahawan berusaha meningkatkan taraf hidup masyarakat
 - D. Usahawan menjalankan promosi untuk meningkatkan jualan

36.

- TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN
- MARA
- MARDI

Ali ingin menceburkan diri dalam bidang Industri Kecil dan Sederhana. Apakah Industri yang paling sesuai diceburi sekiranya beliau mendapat bantuan daripada agensi tersebut?

- A. Bahan kimia
- B. Membuat perabot
- C. Menghasilkan makanan dan minuman ringan
- D. Mengusahakan batik

37. Faktor-faktor yang perlu di ambil kira sebelum individu melabur adalah seperti berikut kecuali

- I. Risiko
 - II. Pulangan
 - III. Spekulasi
 - IV. Kecairan
- A. I,II dan III
 - B. II,III dan IV
 - C. I,II dan IV
 - D. I,II,III dan IV

38. Apakah jenis pelaburan yang mempunyai kecairan yang paling rendah?

- A. Simpanan tetap
- B. Harta tanah
- C. Unit amanah
- D. Pertukaran asing

39. Saluran agihan yang ringkas dan pantas paling sesuai bagi barang berikut :

- A. Sayur-sayuran
- B. Barang kemas
- C. Bahan bina
- D. Perabot rumah

40. Terdapat usaha untuk menyingkirkan pemborong kerana

- A. pemborong meningkatkan kos jualan
- B. pemborong tidak memberi sebarang perkhidmatan
- C. pemborong besar-besaran ingin menggantikan peruncit
- D. pengeluar dan peruncit tidak sukakan pemborong

KERTAS SOALAN TAMAT